

# MESYUARAT TERAS KESIAGAAN – KOORDINASI TINJAUAN FORCE READINESS DEMONSTRATION

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3101-mesyuarat-teras-kesiagaan-koordinasi-tinjauan-force-readiness-demonstration](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3101-mesyuarat-teras-kesiagaan-koordinasi-tinjauan-force-readiness-demonstration)

KUALA LUMPUR, 28 Feb 18 – Sempena tinjauan *Force Readiness Demonstration* oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein bersama Datuk Seri Salleh Said Keruak di Kota Belud, satu mesyuarat koordinasi telah diadakan di Bilik Mesyuarat Rajawali, Markas Tentera Udara yang dipengerusikan oleh Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.

Program yang akan diadakan pada Mac nanti merupakan salah satu daripada Program Jelajah Perkasa Perwira Kementerian Pertahanan di bawah Teras Kesiagaan.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut AKS Operasi & Strategi, YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM; AKS Perancangan dan Pembangunan, YBhg Mej Jen Dato' Dzulkarnain bin Hj Ahmad TUDM; Ketua Staf MPOU, YBhg Mej Jen Dato' Zahani bin Zainal Abidin TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan dibawah Teras Kesiagaan.

